



NTU di tempat ke-3 dalam senarai universiti muda utama di dunia

5/4/2017 22:42

(A) (A+)

○ ○ ○ ○

SINGAPURA: Universiti Teknologi Nanyang Singapura (NTU) disenaraikan hari ini (5 Apr) di tempat ketiga dalam senarai universiti utama di bawah 50 tahun merata dunia Pengajian Tinggi Times (THE).

Senarai Universiti Muda THE menyenaraikan 200 universiti daripada 48 negara bagi tahun 2017, naik daripada 150 universiti pada tahun lalu.

Universiti-universiti baru itu menawarkan "pandangan sangat berbeza" terhadap pengajian tinggi global berbanding universiti dalam Senarai Universiti Sedunia THE, yang dikuasai institusi dari Amerika Syarikat dan Britain, menurut THE yang berpangkalan di London dalam satu kenyataan media.

Ecole Polytechnique Federale de Lausanne dari Switzerland mengungguli senarai universiti baru itu buat tiga tahun berturut-turut, sementara Universiti Sains dan Teknologi Hong Kong (HKUST) berada di hadapan NTU di tempat kedua.

Editor THE Phil Baty berkata walaupun markah keseluruhan yang lebih baik, markah NTU bagi sekitaran penyelidikan dan pendapatan industri merosot sejak tahun lalu, menyebabkan NTU jatuh dari tempat kedua senarai itu.

Presiden NTU Profesor Bertil Andersson berkata keputusan terbaru itu "mengesahkan lagi kekuatan NTU yang diiktiraf secara global dalam pengajaran, penyelidikan dan bekerjasama dengan rakan antarabangsa dan industri".

- CNA/ru

○ ○ ○ ○